

14 NOVEMBER 2017

**10 cabaran AADK banteras dadah**

Ms.20

Selasa, 14 November 2017 BH

→ ISU

**10 cabaran AADK banteras dadah**

● Badan pelaksana Dasar Dadah Negara diminta pantau, nilai program dilaksana

Oleh Ahmad Suhael Adnan  
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur

**A**gensi Antidadah Kebangsaan (AADK) berdepan dengan sekurang-kurangnya 10 isu dan cabaran utama yang mempengaruhi pencapaian menjadikan Malaysia bebas dadah.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Abd Halim Mohd Hussin, berkata cabaran berkenaan termasuk beberapa kalan dadah mudah diperoleh, sama ada secara sah atau tidak sah.

"Antara faktor yang mempengaruhi kebolehdapatan dadah ada-

lah aspek penguatuasaan, norma serta peraturan dalam komuniti dan promosi serta faktor individu," katanya kepada BH.

**Guna lebih dua jenis dadah**  
Abd Halim berkata, cabaran lain termasuk 'menangani' individu menggunakan dua atau lebih dadah pada satu masa, penagih yang mudah terjerumus kembali selepas rawatan serta kesukaran memulihkan penagih tegar.

"AADK juga bimbang dengan penagih dadah dalam kalangan kanak-kanak dan remaja, dengan usia permulaan semakin menurun iaitu seawal usia tujuh tahun ketika ini, selain penularan penyakit berjangkit serta peningkatan jenayah jalanan disebabkan penyalahgunaan dadah.

"Perkembangan teknologi juga menyebabkan bahan biasa dalam industri dan di rumah diproses menjadi dadah baharu, selain sukar mengintegrasikannya semula penagih dan tiada rawatan khusus kepada penyalahgunaan dadah jenis sintetik atau campuran bahan kimia," katanya.

Abd Halim berkata, badan pelaksana Dasar Dadah Negara perlu



AADK berharap penilaian, pemantauan dan laporan berterusan ini, dapat diguna pakai oleh semua agensi yang terbabit dengan program dan aktiviti membanteras dadah di Malaysia."

**Abd Halim Mohd Hussin,**  
Ketua Pengarah AADK

memantau dan menilai program dilaksanakan bagi memastikan keberkesannya.

Katanya, penilaian awal dan penilaian impak perlu dibuat pada peringkat prapelaksanaan serta selepas pelaksanaan sesuatu program.

**Perlu gambaran tepat**

"Pada peringkat prapelaksanaan, mereka perlu mendapat gambaran tepat mengenai sesuatu isu bagi menentukan keperluan program supaya dapat menyediakan pelan tindakan berstruktur dan komprehensif, termasuk pengagihan peranan dan tanggungjawab pelaksana.

"AADK berharap penilaian peringkat selepas pelaksanaan pula membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan, memastikan sumber tidak dibazirkan pada program tidak efektif serta memantau kemajuan program bagi memastikan matlamatnya tercapai," katanya.

Abd Halim berkata, laporan penilaian itu perlu dibuat berdasarkan kajian saintifik bagi menjelaskan perancangan serta penambahan-banyak program sedia ada dan dilaporkan sekurang-kurangnya ke-

pada lima peringkat.

Peringkat berkenaan adalah Jawatankuasa Kabinet Membanteras Dadah (JKMD), Jawatankuasa Pendidikan Pencegahan dan Publisiti (JPPP), Jawatankuasa Bertindak Penguatuasaan Undang-Undang (JPU), Jawatankuasa Rawatan dan Pemulihuan (JRP) dan Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) pada peringkat negeri serta daerah.

"AADK berharap penilaian, pemantauan dan laporan berterusan ini, dapat diguna pakai oleh semua agensi yang terbabit dengan program dan aktiviti membanteras dadah di Malaysia," katanya.

Mengenai teras keempat Dasar Dadah Negara iaitu pengurangan kemudarat, Abd Halim berkata dasar itu memisahkan kepada lima konsep iaitu kemudarat fizikal, psikologi, sosial, ekonomi dan diri.

"Program pengurangan kemudarat menjadi lebih berkesan kepada penagih jika dijalankan bersama program lain seperti pendidikan risiko penyakit berjangkit, kaunseling, ujian saringan HIV, STD dan tibi serta khidmat sokongan dan tindakan susulan," katanya.